



SIARAN MEDIA

KPWKM PERKEMAS PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN TINGKAT KESEJAHTERAAN GOLONGAN SASAR

Kuala Kubu Bharu, 9 Mei 2024 – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah hadir bagi penyerahan surat kelulusan kepada penerima bantuan baharu, penyerahan kad OKU, penyerahan surat pelantikan kepada Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) dan penyerahan surat pelantikan kepada Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Rumah Ehsan (RE) Kuala Kubu Bharu pada pagi ini.

Melalui penyerahan surat pelantikan PKKK dan PPKK ini, KPWKM komited memperkemaskan penyampaian perkhidmatan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan golongan sasaran. Pada majlis ini, **seramai 6 orang** telah dilantik sebagai ahli PPKK dan **6 orang akan** dilantik sebagai ahli PKKK untuk Daerah Hulu Selangor dalam tempoh tiga (3) tahun. Perlantikan ini dibuat berdasarkan latar belakang, pengalaman dan kepakaran masing-masing serta mampu menjalankan peranan menjadi mata dan telinga untuk membantu KPWKM.

PPKK dan PKKK ditubuhkan secara sukarela oleh komuniti setempat dalam usaha untuk membantu, melindungi dan menjaga kebajikan kanak-kanak. PPKK berperanan menyelaraskan program pencegahan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat masyarakat setempat. Manakala PKKK pula berperanan sebagai sistem sokongan khusus mengenai perkhidmatan pemulihan dan perlindungan kanak-kanak.

Ketika ini, JKM mempunyai **140** Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) dengan **1,208** anggota, **137** Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) **1,165** anggota dan **143** Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK). Daripada jumlah tersebut terdapat **11** PPKK dengan **89** anggota dan **11** PKKK dengan **85** anggota yang telah ditubuhkan di Negeri Selangor.

Pada tahun 2024, JKM telah diperuntukkan **RM2.4 bilion** bagi menampung keperluan bantuan dan sejumlah **RM199,487,600.00** telah diagihkan kepada JKM Negeri Selangor dan manakala Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Selangor (PKMD Hulu Selangor) telah menerima peruntukan sebanyak **RM19,780,555.00**. Perbelanjaan tersebut telah memberi manfaat kepada **4,301** penduduk Daerah Hulu Selangor dan **1,079** orang merupakan penerima bantuan daripada Kuala Kubu Bharu.

Bagi rekod pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) pula, sehingga 30 Mac 2024, seramai **755,561** OKU telah mendaftar dengan **126,849** OKU direkodkan di negeri Selangor. KPWK M menyeru agar semua OKU segera mendaftar supaya dapat menikmati semua kemudahan dan keistimewaan yang disediakan kerajaan.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusuf, Ketua Setiausaha KPWK M, YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) JKM, dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

####

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
9 Mei 2024